

INOVASI PEMBELAJARAN AL-QURAN UNTUK ORANG KURANG UPAYA AUTISME DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Oleh:

Muhammad Hafiz Bukhari bin Mohd Khadari¹

Ahmad Muttaqin bin Kamal Bahri²

Wan Suraya binti Wan Nik³

ABSTRAK

Pembelajaran al-Quran di era globalisasi hari ini telah berkembang maju terutama di Malaysia khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Autisme atau Gangguan Spektrum Autisme (ASD) merujuk kepada kelainan perkembangan saraf yang mempengaruhi kemampuan berkomunikasi, berinteraksi sosial, dan belajar. Sehubungan dengan itu, kaedah yang tepat mestilah dibina dan dibentuk bagi membantu golongan ini untuk mempelajari serta menguasai kemahiran-kemahiran al-Quran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membantu golongan OKU Autisme khususnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi mempelajari al-Quran dengan kaedah yang mudah diakses serta bertepatan dengan keperluan mereka. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis masalah-masalah OKU Autisme di UIAM yang menjadi cabaran kepada mereka dalam mempelajari ilmu al-Quran. Seterusnya, tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan faedah-faedah inovasi pembelajaran ilmu al-Quran OKU Autisme.

¹ Pelajar Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

² Pelajar Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

³ Pensyarah, Fakulti Pendidikan dan Seni Liberal, Universiti Antarabangsa INTI.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif di mana temu bual dengan empat orang pakar dalam bidang ini termasuk bidang pembelajaran bagi OKU Autisme dan al-Quran. Selain itu, kaedah tinjauan literatur juga dilakukan di mana kajian-kajian terdahulu berkaitan autisme dan al-Quran diteliti dan dikaji. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu golongan OKU Autisme keseluruhannya dalam mempelajari al-Quran serta inovasi yang diutarakan perlu diberikan perhatian.

Kata Kunci: *Autisme, faedah-faedah, Pembelajaran al-Quran, inovasi, cabaran*

PENDAHULUAN

Pembelajaran al-Quran seharusnya dititikberatkan kepada semua umat Islam termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Autisme⁴ atau lebih mudah dikenal pasti sebagai OKU Autisme. Hal ini kerana, al-Quran merupakan wahyu dari Allah SWT yang perlu dipelajari dan difahami selama mana seorang muslim itu mumayyiz dan mukallaf. Sebagai umat Islam, golongan OKU Autisme juga seharusnya diberi peluang yang sama seperti orang normal untuk mempelajari al-Quran mengikut tahap yang mereka mampu. Autisme atau Gangguan Spektrum Autisme (ASD) merujuk kepada individu yang mengalami masalah pembelajaran yang melibatkan sistem saraf dan otak. Autisme adalah gangguan perkembangan neuro sepanjang hayat. Ini bermakna autisme memberi kesan kepada perkembangan otak dan mempengaruhi keupayaan anak untuk berkomunikasi, berinteraksi secara sosial dan belajar seperti

⁴ Dalam perbincangan artikel ini akan menggunakan istilah OKU Autisme

anak biasa.⁵ Antara ciri umum autisme ialah kesukaran berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial. Individu dengan autisme sering mengalami masalah untuk memahami dan mentafsirkan maklumat yang disampaikan oleh individu termasuk bahasa badan dan ekspresi muka. Selain itu, tingkah laku yang berulang seperti mengepak tangan dan menggeleng kepala merupakan ciri autisme. Oleh yang demikian, ini dapat memberin keselesaan dan mekanisme untuk mengatasi kegelisahan dan ketidaktenteraman. Ketika melakukan rutin dan jadual harian, mereka juga mengikut corak yang sama dan ianya berulang setiap hari sehingga menyebabkan keresahan jika berlaku perubahan yang tidak dijangka.⁶

Keupayaan kognitif yang berbeza adalah mengikut spektrum Autisme yang pelbagai adalah ciri yang ketara dalam mengenal OKU Autisme. Kebanyakan mereka mengalami kecacatan intelektual tetapi sebahagian yang lain mungkin mempunyai kecerdasan luar biasa dalam bidang tertentu seperti matematik, sains dan muzik.⁷ Ciri-ciri ini merupakan cabaran yang dihadapi mereka dalam proses pembelajaran dan memerlukan pendekatan yang berlainan daripada pelajar lain. Dengan mengenal pasti ciri-ciri autisme, maka pendidik, masyarakat dan pihak yang berkaitan dapat menentukan inovasi yang sesuai bagi membantu mereka belajar khususnya dalam bidang al-Quran.

⁵ Early Autism Project, Diperoleh dari <https://www.autismmalaysia.com/ms/apa-itu-autisme/>

⁶ Hidayat, L. A., Rahmatullah, A. S., & Aziz, A. N. (2023). *Strengthening the Psychological Aspects of Autistic Children through Islamic Learning Methodology*. <https://doi.org/10.37680/scaffolding.v5i1.2272>

⁷ Hidayat, L. A., Rahmatullah, A. S., & Aziz, A. N. (2023). *Strengthening the Psychological Aspects of Autistic Children through Islamic Learning Methodology*. <https://doi.org/10.37680/scaffolding.v5i1.2272>

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini. Pertama, golongan OKU Autisme banyak berdepan dengan cabaran yang besar dalam mempelajari al-Quran. Hal ini kerana keperluan mereka adalah tidak sama dengan para pelajar lain seperti ketangkasan dalam menganalisis maklumat dan kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh guru. Menurut Yahya (2023), pihak media mesti memberi perhatian dalam pembinaan video-video pembelajaran dengan menerapkan bantuan instruksional khas buat OKU Autisme.⁸

Selain itu, kaedah bagi golongan OKU Autisme mempelajari al-Quran tidak sama dengan kaedah orang biasa mempelajari al-Quran. Ini kerana mereka memerlukan bantuan pembelajaran berserta kaedah khusus yang sesuai dengan keperluan mereka. Contohnya, golongan OKU Autisme tidak boleh bertalaqqi satu halaman sehari seperti orang awam, bahkan mereka memerlukan masa tambahan bagi membantu mereka mempelajari al-Quran seperti bimbingan *talaqqi* dalam skala 2-3 baris sahaja sehari. Di samping itu, golongan Autisme juga perlu bimbingan daripada guru yang betul dan tepat. Mereka perlu dibimbing oleh guru al-Quran yang mempunyai kemahiran khas bidang al-Quran dan juga bidang Pendidikan Khas.

Peredaran zaman pendidikan yang kian moden terutama era pembelajaran abad ke-21 telah melahirkan penggunaan Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) yang perlu di selarikan dan dipelopori oleh para pelajar

⁸ Yahya, S. F., & Othman, M. A. (2023). Penggunaan Video Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 2. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 162–171. <https://doi.org/10.33306/mjssh/261>

OKU Autisme khasnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menarik minat mereka mempelajari dan menceburi bidang al-Quran. Walaupun terdapat banyak kajian yang telah menghuraikan berkenaan AI dan pendidikan abad ke-21 khas buat golongan OKU Autisme, namun masih kurang kajian yang menjurus ke arah pembelajaran al-Quran bagi golongan OKU Autisme secara khusus.

Seterusnya, golongan OKU Autisme juga memiliki ciri-ciri khas dan mereka sangat sensitif dan terkesan sekiranya suatu inovasi dilaksanakan. Hal ini berpunca daripada kaedah tradisional yang menghalang mereka daripada mempelajari al-Quran secara inovatif dan interaktif. Justeru, penilaian terhadap kesan inovasi al-Quran kepada golongan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran al-Quran di Malaysia bertepatan dan selari dengan peredaran zaman serta sesuai dengan keperluan mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian seperti berikut:-

1. Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh OKU Autisme di UIAM dari segi keupayaan fizikal dan mental dalam mempelajari al-Quran.
2. Menganalisis kaedah-kaedah berteraskan inovasi baharu yang sesuai kepada OKU Autisme di UIAM untuk mempelajari al-Quran.
3. Menilai inovasi pembelajaran yang memberi kesan kepada pelajar OKU Autisme UIAM.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh OKU Autisme di UIAM dalam mempelajari al-Quran?
2. Bagaimanakah kaedah pembelajaran al-Quran dalam membantu golongan OKU Autisme khususnya di UIAM?
3. Sejauh manakah inovasi pembelajaran al-Quran memberi kesan kepada OKU Autisme di UIAM?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menangani cabaran yang dihadapi oleh OKU Autisme dalam mempelajari al-Quran. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh OKU Autisme di UIAM dalam mempelajari al-Quran. Oleh itu, pendekatan yang berbeza perlu diterapkan oleh pengajar atau guru al-Quran mengikut kepada permasalahan dan cabaran yang dihadapi pelajar. Cabaran ini seharusnya menjadi motivasi kepada guru al-Quran untuk terus mempelbagaikan inovasi dalam pembelajaran al-Quran agar OKU Autisme juga berpeluang mempelajari al-Quran.

Selain itu, dengan menganalisis kaedah berdasarkan kajian-kajian lepas, diharapkan dapat menambah baik kaedah pembelajaran al-Quran yang sedia ada khususnya di UIAM. Inovasi yang dinyatakan dalam kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pihak pendidik untuk mengaplikasikannya pada masa akan datang. Seiring dengan pembelajaran abad ke-21, guru seharusnya mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang interaktif untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Seterusnya, kajian ini diharapkan menjadi asas kepada kajian yang selanjutnya berkenaan inovasi dalam

pembelajaran al-Quran dan OKU Autisme. Oleh yang demikian, kesan aplikasi inovasi tersebut memberi impak yang positif bukan sahaja dalam pembelajaran al-Quran bahkan membantu OKU Autisme dalam aspek lain juga seperti masalah komunikasi, tingkah laku, dan sebagainya.

PENDIDIKAN TAHFIZ DI DARUL QURAN JAKIM

Pendidikan Tahfiz di Malaysia pada hari ini selari dengan pembangunan arus moden semasa termasuklah mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), memberi peluang kepada pelajar OKU Autisme untuk meneruskan pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan beberapa syarat yang ditetapkan. Pelajar OKU Autisme ini perlu melalui ujian temuduga oleh pensyarah dan pegawai psikologi yang telah dilantik oleh pihak Darul Quran JAKIM. Sekiranya melepasi temuduga, mereka yang terpilih ini akan menjalani pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan pendekatan yang sesuai dengan keperluan mereka.

Pendekatan melalui kaedah pembelajaran tahfiz bagi golongan OKU Autisme ini menjadikan mereka mampu untuk menghafaz al-Quran dan khatam seperti pelajar biasa. Selain itu, mereka juga mampu untuk menjalani aktiviti *Talaqqi Musyafahah* Riwayat Hafs an 'Asim dan juga riwayat-riwayat yang lain. Sebahagian mereka mampu menulis al-Quran 30 Juzu' (Tahriri) dan menjalani aktiviti tasmi' dan *murajaah* hafazan al-Quran, dan ada di kalangan mereka yang mampu menamatkan hafazan al-Quran dalam jangka masa kurang daripada satu tahun. Natijahnya, mereka berpotensi menjadi pakar al-Quran dan menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dengan cemerlang. Sokongan dan dorongan oleh

Darul Quran JAKIM telah berjaya menghasilkan para Qurra' yang hebat dan memberi manfaat kepada ummah.

KAJIAN LITERATUR

Pelajar OKU Autisme memerlukan akses yang khusus bagi mempelajari al-Quran. Beberapa kajian lepas telah menjelaskan berkenaan keperluan pelajar Autisme dari sudut kaedah pembelajaran al-Quran yang sesuai. Namun, kajian literatur kali ini ada mengaitkan kajian-kajian lepas di bawah topik yang sama tetapi memfokuskan dari sudut cabaran, inovasi melalui model-model SEN (*Special Educational Needs*) dan analisis minat para pelajar OKU Autisme di UIAM dalam mempelajari al-Quran.

A) Cabaran Pembelajaran Pelajar OKU Autisme

Pelajar OKU Autisme mengalami cabaran yang besar dalam menguruskan persekitaran mereka. Mereka mempunyai sensitiviti deria yang sangat tinggi dan ianya mempengaruhi dan memberi kesan kehidupan mereka. Sebagai contoh, bunyi yang kuat dan lampu yang terang menyebabkan mereka tidak selesa dan merangsang ke arah persekitaran yang negatif.⁹ Satu kajian di Brazil¹⁰ menunjukkan bahawa sensitiviti deria menjadi kebimbangan utama khasnya kepada pelajar autisme di sekolah tradisional yang menyebabkan rangsangan deria yang sukar dikawal. Keadaan yang sama juga dihadapi oleh

⁹ Silva, M. D. A. da, & Araújo, F. R. D. (2024). School environment: challenges and influence on the neurological development of children with autistic spectrum disorder - asd. *Revista Ibero-Americana de Humanidades, Ciências e Educação*. <https://doi.org/10.51891/rease.v10i5.13964>

¹⁰ Tanaka, A. H., Belinello, G. C. E., & Belinello, R. C. E. (2024). Educação Inclusiva e Comportamento no Transtorno do Espectro Autista: Desafios e Estratégias de Intervenção para a Promoção do Desenvolvimento Escolar. *RCMOS, 1*(2). <https://doi.org/10.51473/rcmos.v1i2.2024.703>

pelajar OKU Autisme di UIAM dengan rangsangan yang sukar dikawal seperti pelajar yang ramai, berbilang bangsa dan kewarganegaraan, dan sebagainya. Contohnya pendedahan kepada persekitaran yang umum semasa sesi pembelajaran al-Quran di kelas formal, auditorium utama, dan di masjid. OKU Autisme kelihatan teragak-agak dan banyak berdiam diri apabila berada dalam kumpulan yang ramai dan tidak dikenali.

Selain itu, pelajar OKU Autisme juga berdepan dengan cabaran dalam berkomunikasi. Menurut Gomes et al. (2024), salah faham terhadap OKU Autisme sering berlaku dalam proses berkomunikasi yang boleh membawa kepada pengasingan sosial.¹¹ Dapatan ini disokong oleh kajian Ciurana dan Garcia (2023) yang menjelaskan bahawa pelajar OKU Autisme kerap berasa terasing disebabkan masalah komunikasi terutamanya dalam meneruskan atau mengekalkan perbualan.¹² Perkara ini dapat dikaitkan dengan kesukaran pelajar OKU Autisme ketika sesi *talaqqi* al-Quran bersama guru mereka. Oleh itu, guru al-Quran perlu mempunyai ilmu pedagogi yang cukup mantap dan fleksibel bagi mengelakkan salah faham dalam interaksi pembelajaran. Hal ini kerana salah faham boleh menyebabkan pelajar OKU Autisme hilang minat, dan lebih malang lagi apabila mereka meninggalkan terus pengajian al-Quran dalam kehidupan.

¹¹ Gomes, J. P., Batista, W. R., Almeida, B. P., Nascimento, J. L. A. do, Siqueira, A. C. D., Ribas, M., Silva, G., & Neves, J. A. (2024). Tecnologias assistivas na educação inclusiva e sua aplicabilidade para a inclusão de alunos autistas nas escolas. *Lumen et Virtus*, 15(43), 8196–8204. <https://doi.org/10.56238/levv15n43-042>

¹² Ciurana, M. B., & García, O. M. (2023). ‘How does universal design for learning help me to learn?’: students with autism spectrum disorder voices in higher education. *Studies in Higher Education*. <https://doi.org/10.1080/03075079.2023.2259932>

OKU Autisme turut mengalami masalah dari segi pergerakan peralihan sebagai contoh peralihan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah. Perubahan persekitaran sosial, dan rutin antara faktor yang menyebabkan mereka terasa terbeban.¹³ Menurut Nor (2024), sistem sokongan yang tidak mencukupi dan kurang persediaan menjadi punca kepada cabaran yang dihadapi oleh OKU Autisme. Oleh itu, guru al-Quran perlu mengambil pendekatan yang berbeza daripada pelajar normal bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, sesuai dengan keperluan dan kemampuan pelajar OKU tersebut.

B) Cadangan-cadangan pelajar OKU Autisme

Kajian-kajian lepas mendapati beberapa keperluan membantu golongan OKU Autisme dalam pendidikan termasuklah pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kajian Hadi et al (2022) mendapati bahawa pembelajaran menggunakan video dapat membantu OKU Autisme belajar dengan lebih berkesan.¹⁴ Ini dapat dikaitkan dengan pembelajaran tajwid melalui video berbanding guru mengajar melalui kaedah syarahan. Guru juga boleh membuat rakaman video dalam tempoh 2-3 minit dengan adegan lakonan atau berbentuk animasi bagi menarik perhatian mereka.

Selain itu, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) juga amat efektif bagi membantu para pelajar OKU Autisme belajar al-

¹³ Nor, N., Mahzan, N. A., Bakar, A. R. A., Zamri, W. N. W., & Muhsain, S. N. F. (2024). Bridging the Gap: Addressing Educator and Caregiver Challenges in Transitioning Students with ASD to Higher Education and TVET - A Scoping Review. *Information Management and Business Review*, 16(3(I)S), 41–50. [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3\(i\)s.3955](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(i)s.3955)

¹⁴ Hadi, S., Djulianti, M., Marjianto, A., & Jumriani, J. (2022). Appropriate Learning Methods for Autistic Children in Improving Tooth brushing Skills: a Review. *International Journal of Advanced Health Science and Technology*, 2(2), 122–129. <https://doi.org/10.35882/ijahst.v2i2.12>

Quran dengan inovasi yang lebih canggih. Sebagai contoh, Hao & Hu (2022) telah mengesyorkan satu model *Neural Network Matrix Factorization* (NeuMF) yang menggunakan penapisan kolaboratif untuk mengesyorkan aktiviti yang selaras dengan minat dan kebolehan kognitif OKU Autistik berasaskan AI.¹⁵ Keistimewaan model ini ialah ianya amat efektif di samping mempunyai ciri-ciri yang luar biasa dan kreatif untuk digunakan dan ianya sangat bermakna untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang menarik khususnya buat para pelajar istimewa ini.

C) Kesan Inovasi Pembelajaran Masa kini kepada OKU Autisme

Pelbagai kesan positif dapat diperoleh oleh OKU Autisme melalui inovasi pembelajaran al-Quran. Dengan inovasi *Neural Network Matrix Factorization* (NeuMF) atau Faktorisasi Matriks Jaringan Saraf (NNMF), pelajar OKU Autisme ini dapat menimba pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dengan menguraikan data besar ke dalam komponen yang lebih kecil dan bermakna. Ianya mirip dengan cara kita menyaring maklumat penting daripada timbunan data dan digabungkan dengan rangkaian saraf (*neural networks*) akan menjadi lebih kuat dalam peringatan OKU Autisme. NeuMF dapat menyediakan asas membangunkan intervensi yang lebih disasarkan dan dikhususkan untuk membawa hasil yang lebih baik kepada OKU Autisme.

¹⁵ Hao, H., & Hu, S. (2022). Recommendation Optimization of Physical Education for Developing the Intelligence of Autistic Children following Intelligent Collaborative Filtering Algorithm. *Mobile Information Systems*, 2022, 1388872:1-1388872:9. <https://doi.org/10.1155/2022/1388872>

Walaupun konsep model NeuMF ini agak abstrak tapi ianya dapat membantu kanak-kanak autisme memahami bagaimana teknologi dan data boleh digunakan untuk mengenalpasti pendekatan intervensi yang sesuai. Model ini dapat memberi visualisasi mudah bagi menerangkan konsep yang asas sebagai contoh bagaimana komputer mengenal gambar seekor kucing. Model ini menggunakan aplikasi praktikal yang mana kanak-kanak autisme memang mahir dalam penggunaan tablet komputer. Dengan ini, pengisian kurikulum al-Quran boleh di speksifikasikan menurut tetapan minda (*mindset*) pelajar OKU Autisme UIAM bagi mengelakkan segala sifat-sifat negatif seperti kecelaruan, cepat putus asa dan sebagainya.

Satu lagi model yang boleh digunakan ialah Kaedah Mauro yang menggabungkan teknik pembelajaran auditori, visual dan kinestetik bagi membantu para pelajar autisme untuk mempelajari al-Quran seperti menghafal surah-surah pendek.¹⁶ Terdapat juga kaedah lain yang dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran komunikasi terutama semasa sesi pembelajaran sebagai contoh, kaedah Pembelajaran Abad ke-21. Kaedah ini yang menumpukan kepada '*student-centered*' atau murid sebagai karakter utama dalam kelas dan guru hanya sebagai pemudah cara dapat menambah baik kemahiran komunikasi mereka.

Aljameel et al. (2019) menyatakan bahawa OKU Autisme sama ada kategori *Verbal* (boleh berkomunikasi secara lisan) atau *Non-Verbal* (tidak boleh berkomunikasi secara lisan) mengalami masalah ketika berkomunikasi

¹⁶ Amani, R., Rahmahtrisilvia, R., Mahdi, A., Luthfi, A., Maulidazani, F., Qomari, V. A., & Umur, A. (2024). The Effectiveness of Mauro Method Qur'an Memorization: A Study on Children with Autism Spectrum Disorders. *Ta'dib*, 27(1), 93. <https://doi.org/10.31958/jt.v27i1.10303>

termasuklah semasa mempelajari al-Quran.¹⁷ Di samping itu, OKU Autisme juga dapat menjadikan peluang bersama al-Quran sebagai terapi bagi diri mereka. Mohd. Azim Hakimi et al. (2022) menyatakan bahawa terapi al-Quran dapat menyembuhkan masalah akhlak, emosi, pengasingan diri dan tingkah laku seperti yang dialami oleh para OKU.¹⁸

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif di mana temu bual dengan beberapa pelajar dan pakar yang khusus dalam bidang autisme dan psikologi di UIAM. Selain itu, temu bual bersama pakar dalam bidang al-Quran juga dijalankan untuk mendapatkan pandangan tentang aplikasi inovasi dalam pengajaran al-Quran kepada golongan OKU Autisme.

Temu bual dilaksanakan dengan beberapa individu yang berkaitan dengan kajian iaitu pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam di Pusat Islam UIAM, Pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Kulliyah Pendidikan dan pelajar kurang upaya kategori autisme di UIAM. Hasil daripada temu bual bersama responden, maklumat yang mendalam dan merangkumi setiap aspek dalam kajian ini dapat dikenal pasti. Justifikasi pemilihan para pensyarah dan pelajar kurang upaya

¹⁷ Aljameel, S. S., O'Shea, J., Crockett, K., Latham, A., & Kaleem, M. (2019). *LANA-I: An Arabic Conversational Intelligent Tutoring System for Children with ASD* (pp. 498–516). Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-030-22871-2_34

¹⁸ Mohd Azim Hakim Ibrahim, Khadher Ahmad & Mustaffa Abdullah. (2022). Signifikan dalam Pemilihan Ayat Al-Quran sebagai Terapi dalam Rawatan Autistik Secara Umum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 76-85.

autisme ini adalah bagi mendapatkan maklumat dari sudut pandangan pakar al-Quran dan psikologi pendidikan.

Semasa temubual dijalankan, kaedah pemerhatian peserta atau responden (*participant observation*) dilaksanakan secara serentak. Catatan dibuat dengan meneliti isyarat-isyarat yang tidak ketara (*silent signals/signs*) seperti perubahan air muka, kedudukan tubuh badan dan sebagainya. Pemerhatian ini akan menggambarkan realiti keadaan yang sebenar dengan memberi perspektif orang dalam, memerhati tingkah laku semula jadi, mengumpul data yang terperinci, memahami interaksi sosial yang kompleks, membongkarkan peraturan tidak bertulis dan pengetahuan tersirat, serta pemahaman kontekstual yang menyeluruh dan mendalam.

Keperluan perancangan yang sistematik dilakukan melalui pemilihan kumpulan bersasar dengan mengkhususkan persampelan hanya kepada OKU Autisme di UIAM sahaja. Hal ini kerana pengkhususan kumpulan dapat mengumpul maklumat yang lebih mendalam dan bersasar serta boleh membuat analisis dengan segera. Data yang diperoleh dari temu bual direkod dengan baik untuk tujuan analisis dan pendokumentasian. Soalan-soalan temu bual dibina berdasarkan permasalahan dan objektif kajian. Isu dan masalah kajian dikenal pasti terlebih dahulu sebelum membina soalan temu bual untuk memenuhi tujuan kajian ini.

Selain itu, metodologi kajian literatur juga dijalankan untuk meneliti dan mengkaji kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran al-Quran dan autisme. Sumber yang digunakan termasuklah artikel dan jurnal akademik yang terkini iaitu dalam tempoh 5 tahun terakhir (2020-2025) untuk memastikan maklumat yang diperoleh adalah relevan. Pangkalan yang digunakan termasuklah SciSpace, Google Scholar dan sebagainya. Perbandingan antara artikel lepas juga

dilakukan untuk mengenal pasti kesahihan dan keberkesanan inovasi tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang telah diperoleh seperti berikut:

Tema	Sub-Tema	Deskripsi Tema	Bilangan responden yang menyatakan idea
Kelas Persendirian	Kelas Inklusif	Kelas khas yang disediakan kepada pelajar OKU Autisme untuk belajar	4
	Guru Pakar	Guru khas OKU Autisme yang berkemahiran dan guru al-Quran yang berpengalaman mengajar pelajar OKU Autisme	3
Kaedah Belajar melalui Gambar	<i>Quranic Jigsaw Puzzle</i>	Satu <i>teka-teki</i> membentuk gambar berteraskan ayat-ayat al-Quran	1

	Kaedah Mengingat	Memori OKU Autisme yang kuat merangsang ke arah pembelajaran yang efektif	2
Kecerdasan Buatan (AI)	Menelusuri Ibrah	Penggunaan AI dalam menelusuri ibrah daripada al-Quran.	2
	Terapi	AI menjana maklumat dan gambar yang membantu meningkatkan motivasi OKU Autisme untuk mempelajari al-Quran.	1

Jadual 1: Analisis Tematik

Penjelasan

Berdasarkan Jadual 1 Analisis Tematik di atas, terdapat beberapa inovasi yang telah dicadangkan dan dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu A) inovasi melalui kelas persendirian, B) kaedah belajar melalui gambar dan C) inovasi kecerdasan buatan (AI). Di UIAM, pelajar OKU Autisme sentiasa dipantau oleh Unit Khidmat Orang Kurang Upaya (*Disability Service Unit-DSU*). Atas dasar keprihatinan kepada pelajar OKU di UIAM, paparan bintang (*) akan dicetak pada nama pelajar istimewa ini di dalam senarai

kehadiran kelas sebagai makluman kepada para pensyarah yang mengajar agar memberi perhatian berkenaan keperluan pelajar ini semasa dalam kelas dan semasa pelaksanaan tugas. Secara tidak langsung, pelajar lain tidak akan merasa ‘bersalah’ sekiranya terjadi perkara-perkara yang tidak disengajakan.

A. Kelas Persendirian

Kelas persendirian amat penting bagi golongan OKU Autisme terutamanya golongan OKU Autisme kelas *Non-Verbal* (tidak boleh berkomunikasi). Seramai empat (4) orang responden telah menyatakan pandangan berkenaan idea ini. Majoriti responden bersetuju bahawa pelajar OKU Autisme memerlukan kelas yang inklusif untuk melaksanakan pembelajaran termasuklah ketika sesi pembelajaran al-Quran. Sebagai contoh, kelas yang kedap bunyi, berhawa dingin dan tidak mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Perkara ini diakui oleh kajian Souza & Lira (2024) yang menyatakan bahawa kesan daripada kelas yang inklusif dapat meningkatkan empati, kefahaman dan penerimaan pelajar.¹⁹

Selain itu, tiga (3) orang responden telah melontarkan idea bahawa guru yang pakar atau mahir memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu OKU Autisme untuk belajar dengan baik. Sebagai tamsilnya, guru yang pakar dalam bidang al-Quran mestilah mempelajari kaedah untuk mengajar golongan berkeperluan khas seperti OKU Autisme. Guru boleh menggunakan pelan pembangunan individu (IEPs) bagi mengetahui status setiap pelajar bagi memudahkan guru untuk mengesan potensi dan kemampuan setiap pelajar.²⁰ Mereka tidak

¹⁹ Souza, I. V. de, & Lira, A. B. de S. (2024). *Autism at school: An invitation to reflect on accessibility and inclusion*. <https://doi.org/10.56238/sevenmulti2024-067>

²⁰ Mou, X. (2024). *A Study on the Development of a Specialized Curriculum for Inclusion Classes for Children with Autism in Elementary Schools*. 1(3), 35–41. <https://doi.org/10.70088/0138m421>

boleh mengajar golongan istimewa ini seperti para pelajar yang sihat dan normal.

B. Kaedah Belajar melalui Gambar

Pelajar OKU Autisme memerlukan kepada inovasi bagi menarik minat mereka untuk belajar al-Quran. Idea ini telah dilontarkan oleh seorang responden yang merupakan Tokoh OKU Autisme Peringkat Negeri Selangor dan sedang menyambung pelajaran di peringkat PhD di UIAM. Justeru, kaedah pembelajaran menggunakan gambar semestinya dapat membantu menarik minat mereka. Pertama, kaedah menggunakan *Quranic Jigsaw Puzzle* yang menggunakan kaedah ‘Puzzle’ atau teka teki menyusun ayat al-Quran. Sebagai contoh, Surah al-Isra’ ayat 1: pelajar akan mengambil satu kalimah seperti سبحانه kemudian disambung الذي أسرى dan pelajar OKU Autisme menyambung lagi dengan meletakkan kalimah بعده sehinggalah membentuk ayat yang lengkap.

Di samping itu, dua (2) orang responden juga mengakui bahawa pelajar OKU Autisme mempunyai keupayaan minda dan kekuatan memori yang luar biasa. OKU Autisme kebanyakannya mampu untuk mengingat dan menghafal sesuatu maklumat dalam jangka masa pendek dan kekal. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan kajian Jiang et al. (2015) yang menyatakan bahawa OKU Autisme menunjukkan rangsangan daya ingatan visual statik yang lebih tinggi dan memiliki memori jangka masa panjang berbanding insan lain yang normal.²¹

²¹ Jiang, Y. V., Palm, B. E., DeBolt, M. C., & Goh, Y. S. (2015). High-precision visual long-term memory in children with high-functioning autism. *Journal of Abnormal Psychology*, 124(2), 447–456. <https://doi.org/10.1037/ABN0000022>

C. Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* -AI)

Dunia hari ini menyaksikan bahawa inovasi pembelajaran menggunakan AI telah memberi banyak manfaat dan bantuan khususnya kepada golongan OKU Autisme dalam mempelajari al-Quran. Pertama, seramai dua (2) orang responden bersetuju bahawa guru yang mengendalikan kelas bersama OKU Autisme boleh menggunakan AI bagi menelusuri *Ibrah* daripada kisah-kisah di dalam al-Quran. Sebagai contoh, menonton video dari platform YouTube dan menganalisis *ibrah* dari video menggunakan model ChatGPT atau yang terbaru, DeepSeek. Selain itu, guru juga boleh menggunakan idea-idea dari AI untuk melaksanakan gamifikasi seperti menjalankan aktiviti ‘Kerusi Panas’ bersama pelajar OKU Autisme dan menjana soalan-soalan dari AI melalui kisah-kisah dalam al-Quran. Natiujahnya, pelajar akan lebih bersemangat dan tidak mudah bosan selain dapat mencapai objektif pembelajaran yang disasarkan.

Selain itu, seorang responden juga mengakui bahawa melalui perkongsian *ibrah* menggunakan AI, terapi minda akan terlaksana secara tidak langsung bagi membantu meningkatkan motivasi diri pelajar OKU Autisme melalui aktiviti-aktiviti bersama rakan sekelas dan guru. Ini membuktikan bahawa penggunaan AI sebagai alat pembelajaran bagi pelajar OKU Autisme banyak membantu mereka menjalankan sesi pembelajaran dengan lebih inovatif dan interaktif.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dinyatakan bahawa pelajar OKU Autisme memerlukan kaedah pembelajaran al-Quran yang

khusus dan teratur. Pembelajaran al-Quran bukanlah hanya perlu dipelajari oleh mereka yang berupaya sahaja, bahkan golongan seperti OKU Autisme dan lain-lain juga berhak dan perlu mempelajari *kalamullah* ini. Jika dilihat kepada sejarah Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa tahun 2023, Saudara Muhammad Qayyim Nizar Sarimi iaitu seorang OKU Penglihatan telah berjaya menjuarai pertandingan ini bagi kategori Qari. Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja mampu dikuasai oleh mereka yang berupaya sahaja, bahkan golongan istimewa juga mampu merentas jauh lebih hebat daripada biasa. Ini dapat dikaitkan dengan hadis daripada Abu Hurairah RA yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa dan harta benda kalian, tetapi Allah melihat hati dan amal perbuatan kalian." (Hadith Riwayat Muslim)

Justeru itu, tidak dinafikan sama sekali bahawa OKU Autisme juga mampu mencapai ke tahap ini dengan kesungguhan dan iltizam yang tinggi beserta tawakal kepada Allah SWT. Allah SWT sama sekali tidak melihat akan fizikal seseorang, bahkan Allah SWT melihat pada hati dan amalan seseorang itu. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa objektif kajian untuk mengenalpasti cabaran, kaedah dan kesan dalam inovasi pembelajaran al-Quran khususnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjaya di laksanakan. Melalui kajian kualitatif, responden telah bekerjasama memberikan data dan dapatan yang berkualiti dalam usaha melahirkan pelajar OKU Autisme yang mahir dalam pelbagai bidang al-Quran merangkumi aspek 5T iaitu Talaqqi, Tahsin, Tahfiz, Tadabbur dan Turath.

Kajian ini juga mendapati inovasi pembelajaran al-Quran perlu dikhaskan dan disasarkan kepada OKU Autisme di UIAM. Keperluan membina satu model pembelajaran al-Quran yang lebih

mendalam seperti menggunakan *Quranic Jigsaw Puzzle*, pembelajaran al-Quran secara atas talian bagi pelajar sekolah rendah dan menengah serta di institusi-institusi pelajar berkeperluan khas perlu disediakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar kategori Orang Kelainan Upaya.

RUJUKAN

- Early Autism Project Malaysia. (2024), *Apa itu Autisme - Early Autism Project Malaysia*.
<https://www.autismmalaysia.com/ms/apa-itu-autisme/> May 1. Diakses pada
- Hidayat, L. A., Rahmatullah, A. S., & Aziz, A. N. (2023). *Strengthening the Psychological Aspects of Autistic Children through Islamic Learning Methodology*.
<https://doi.org/10.37680/scaffolding.v5i1.2272>
- Silva, M. D. A. da, & Araújo, F. R. D. (2024). School environment: challenges and influence on the neurological development of children with autistic spectrum disorder - asd. *Revista Ibero-Americana de Humanidades, Ciências e Educação*. <https://doi.org/10.51891/rease.v10i5.13964>
- Tanaka, A. H., Belinello, G. C. E., & Belinello, R. C. E. (2024). Educação Inclusiva e Comportamento no Transtorno do Espectro Autista: Desafios e Estratégias de Intervenção para a Promoção do Desenvolvimento Escolar. *RCMOS*, 1(2). <https://doi.org/10.51473/rcmos.v1i2.2024.703>
- Ciurana, M. B., & García, O. M. (2023). ‘How does universal design for learning help me to learn?’: students with
- Souza, I. V. de, & Lira, A. B. de S. (2024). *Autism at school: An invitation to reflect on accessibility and inclusion*.
<https://doi.org/10.56238/sevenvmulti2024-067>
- Mou, X. (2024). *A Study on the Development of a Specialized Curriculum for Inclusion Classes for Children with Autism in Elementary Schools*. 1(3), 35–41.
<https://doi.org/10.70088/0138m421>

Pelajar PhD, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (IRKHS) – Pelajar OKU Autisme, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Pembantu Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, Pusat Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Pensyarah, Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Profesor Madya, Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)